

## Press Clipping

# PKFZ tarik minat syarikat hiliran minyak, gas

**Z**ON Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) mahu menarik lebih banyak syarikat hiliran minyak dan gas melabur di zon itu memandangkan industri terbabit dianggap belum diteroka di Asia Pasifik.

Penolong Pengurus Besar Jualan dan Pemasarannya, Azizul Annuar, berkata syarikat yang membekalkan produk untuk operasi luar pesisir di rantau berkenaan dapat berjimat dari segi masa, kos serta proses kemudahan pelabuhan jika beroperasi di PKFZ, yang dibangun dan dimiliki Lembaga Pelabuhan Klang.

"Industri minyak dan gas masih dianggap belum diteroka di Asia Pasifik dan kami mahu mengambil kelebihan itu dengan menempatkan syarikat luar negara beroperasi di rantau ini di PKFZ," katanya sempena misi perdagangan Malaysia ke Amerika Sya-

rikat (AS), di San Jose, semalam.

Misi yang diketuai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, bermula di Miami, Florida pada 8 April, sebelum meneruskan perjalanan ke Minneapolis di Minnesota. San Jose di California ialah destinasi akhir misi itu.

Azizul berkata, PKFZ, memulakan operasi lewat tahun lalu, menempatkan sebuah syarikat minyak dan gas sebagai penyewa utama.

Ia kini mempunyai 22 firma kontrak, dengan syarikat antarabangsa menggunakan kemudahan gudang, kilang pemasangan, kilang pembuatan dan kemudahan lain di zon itu.

PKFZ ialah pusat pengumpulan dan pengedaran kargo antarabangsa berkeluasan 405 hektar di Pulau Indah yang direka bentuk untuk mempromosikan industri

yang terbabit dalam pembuatan dan entrepot yang mengeluarkan barangan untuk eksport.

"Kami yakin industri minyak dan gas berpotensi besar di Asia Pasifik, terutama di PKFZ. Kewujudan di PKFZ akan membolehkan syarikat membekalkan produk untuk operasi luar pesisir dalam masa singkat," katanya.

Azizul berkata, PKFZ sudah mengenali pasti empat syarikat minyak dan gas yang berpejabat di Houston, dengan dua daripadanya berminat untuk melabur di Malaysia, manakala pengilang dari Minneapolis dijangka melabur kira-kira AS\$3 juta hingga AS\$5 juta dalam tempoh tiga bulan akan datang di zon itu.

"Kami berusaha mendapatkan pengeluar peranti perubatan dari San Jose untuk beroperasi di PKFZ bagi menembusi pasaran Asean," katanya.